

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Sinar Harian

TARIKH : Khamis, 22 November 2012

M/S : 12

### Perpustakaan dilengkapi kemudahan terkini

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak 876 perpustakaan desa dilengkapi kemudahan mengakses maklumat secara dalam talian.

Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Maglin Dennis D'Cruz berkata, inisiatif itu dilaksana menerusi Projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) dan Perpustakaan Jalur Lebar (PJL) di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI).

Beliau berkata, kemudahan itu dilaksanakan untuk memberi faedah kepada rakyat dalam meningkatkan literasi maklumat masyarakat luar bandar, meningkatkan celik komputer serta merapatkan jurang maklumat antara masyarakat bandar dan luar bandar.

"Kerajaan akan meneruskan inisiatif ini dalam usaha menyediakan capaian maklumat lebih meluas menjelang 2020," katanya menjawab soalan **Mohd Nizar Zakaria (BN-Parit)** yang ingin tahu jumlah perpustakaan desa di seluruh negara yang dilengkapi WiFi.

D'Cruz berkata, sehingga Jun tahun ini, kerajaan membina 1,095 perpustakaan desa di seluruh negara untuk memudahkan rakyat memperoleh ilmu dan

maklumat.

Dalam pada itu, D'Cruz berkata, kementerian telah dan sedang mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi masalah kelajuan internet yang tidak memuaskan di beberapa perpustakaan desa.

Menurutnya, kementerian membelanjakan RM175 juta tahun ini dan akan memperuntukkan RM200 juta lagi tahun depan untuk tujuan itu.

D'Cruz berkata, kementerian melalui Perpustakaan Negara (PNM) sentiasa memperbanyakkan aktiviti dan mewujudkan bank buku di empat stesen kereta api iaitu di Ipoh, KL Sentral, Bukit Mertajam dan Johor Bahru serta di jeti feri seperti di Langkawi dan Kuala Perlis.

- Bernama

